

Projek lebuhraya: Dr M bidas WWF

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Dana Sedunia Alam Semulajadi (WWF) kerana mempertikaikan pelaksanaan projek lebuhraya di tanah tinggi yang menghubungkan tiga kawasan peranginan utama.

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan projek yang menghubungkan pusat peranginan Cameron Highland,

Genting Highlands dan Bukit Fraser itu dibuat selepas kajian terperinci dilakukan.

Beliau menegaskan, dalam melaksanakan projek yang membabitkan pembinaan jalan di atas kawasan berbukit itu, kerajaan turut mengambil kira aspek alam sekitar.

“Kalau kita ada gunung dan kita tidak boleh pergi tengok gunung itu, tak boleh rasa udara nyaman di situ

kerana tiada jalan, tak ada makna bagi kita,” katanya selepas melawat pameran mengenai Negara-negara G15 serta melancarkan buku *Malaysia: Land of Eternal Summer* di Muzium Negara di sini petang ini.

Buku terbitan Wilmette Publication Sdn Bhd itu memaparkan sejarah, kebudayaan dan sektor pelancongan di Malaysia. Ia adalah hasil kajian pasangan suami iste-

ri, Debbie dan David Cook berdasarkan pemerhatian serta pengalaman mereka menjelajah seluruh negara selama dua tahun.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Pengarah Perlindungan WWF, Dr Isabelle Neermala Louis kelmarin yang menyaran kerajaan membatalkan pelaksanaan projek itu kerana kononnya akan menjejaskan alam sekitar di sekitar kawasan terbabit.